

**GARIS PANDUAN  
PEMATUHAN STANDARD KESELAMATAN  
BATERI SEKUNDER  
2018**

**[GARIS PANDUAN INI MULA BERKUAT KUASA PADA 1 FEBRUARI 2018]**

## 1. PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak berkaitan yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan bateri sekunder di Malaysia untuk mematuhi standard keselamatan yang disyorkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

## 2. DEFINISI

- 2.1 Dalam Garis Panduan ini, bateri sekunder (*rechargeable battery*) bermaksud semua jenis sel dan bateri sekunder yang mengandungi elektrolit alkali atau elektrolit bukan asid dan termasuklah sel yang terdapat di dalam power bank, rokok elektronik, telefon bimbit, kamera, komputer riba, lampu mudah alih, permainan kawalan jauh, *hoverboard*, *flyboard*, *drone* dan apa-apa barangan yang memerlukan bateri yang dicas semula seperti mana definisi yang disebut dalam MS IEC 62133:2017.
- 2.2 Pengeluaran bermaksud apa-apa perihal mengeluarkan, usaha (proses) menghasilkan dan penghasilan semua jenis bateri sekunder.
- 2.3 Pengedaran bermaksud apa-apa perbuatan atau hal mengedarkan semua jenis bateri sekunder termasuklah mengimport atau mengeksport.
- 2.4 Peruncitan bermaksud apa-apa penjualan atau pembelian untuk penjualan barang-barang berkaitan semua jenis bateri sekunder.
- 2.5 Sel bermaksud perihal barangan yang terkandung di dalamnya bateri sekunder.
- 2.6 Bateri sekunder bermaksud set lengkap yang mengandungi sel yang boleh dicas semula dan menepati piawaian penggunaan yang ditetapkan dalam MS IEC 62133:2017.

## 3. PEMATUHAN

Mana-mana orang yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran termasuk import, eksport dan peruncitan semua jenis bateri sekunder dalam Malaysia (secara bersama dirujuk sebagai "Pemilik Produk") adalah digalakkan dan disyorkan untuk mematuhi Garis Panduan ini.

#### **4. PIHAK BERWIBAWA**

Pihak Berwibawa dalam Garis Panduan ini merujuk kepada mana-mana makmal yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia bagi maksud pengujian bateri sekunder dan SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi maksud pengeluaran persijilan atau pelabelan standard keselamatan.

#### **5. STANDARD KESELAMATAN**

Standard keselamatan yang terpakai untuk bateri sekunder seperti yang diterbitkan atau dirujuk oleh Pihak Berwibawa adalah seperti yang berikut:

- 5.1 MS IEC 62133: 2017 *Secondary cells and batteries containing alkaline or other non-acid electrolytes – Safety requirements for portable sealed secondary cells, and for batteries made from them, for use in portable appliances;*
- 5.2 IEC 62133: 2012 *Secondary cells and batteries containing alkaline or other non-acid electrolytes - Safety requirements for portable sealed secondary cells, and for batteries made from them, for use in portable applications.*

#### **6. SYOR**

- 6.1 Pemilik Produk adalah digalakkan dan disyorkan untuk menghantar sampel bateri sekunder kepada makmal yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia mengikut ISO/IEC 17025 untuk tujuan pengujian mengikut standard keselamatan yang terpakai seperti di perenggan 5 di atas.
- 6.2 Pemilik Produk juga digalakkan dan disyorkan untuk mendapatkan pensijilan daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi bateri sekunder dan seterusnya mengemukakan profil syarikat berserta persijilan kepada KPDNKK sebelum bateri sekunder memasuki pasaran bagi tujuan rekod dan pemantauan.
- 6.3 Contoh pelekat label keselamatan bateri sekunder yang telah mendapat pensijilan adalah seperti yang dilampirkan di muka surat 6.

#### **7. PENARIKAN BALIK BATERI SEKUNDER**

- 7.1 Pemilik Produk adalah digalakkan dan disyorkan supaya membuat penarikan balik bateri sekunder secara sukarela jika mendapati bahawa bateri sekunder tidak selamat, berisiko dan/ atau terdapat arahan

penarikan balik dari pasaran oleh negara luar bagi menjaga keselamatan pengguna di Malaysia. Setiap arahan penarikan balik oleh negara luar perlulah dimaklumkan kepada KPDNKK bagi tujuan rekod dan pemantauan.

- 7.2 Di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], Menteri KPDNKK boleh mengisytiharkan mana-mana bateri sekunder sebagai barang larangan jika bateri sekunder itu menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau harta atau selainnya tidak selamat dan boleh menghendaki pembekal memanggil balik bateri sekunder tersebut dengan perbelanjaan pembekal itu sendiri.

## **8. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

- 8.1 Bagi tujuan penguatkuasaan terhadap bateri sekunder, penandaan maklumat yang berkaitan pada label bateri sekunder akan terus berkuat kuasa oleh KPDNKK di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], Akta Perlindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*], Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*] dan Akta Timbang dan Sukat 1972 [*Akta 71*].
- 8.2 Selain daripada undang-undang di atas, Pemilik Produk perlu mematuhi Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Pemborong) 1980, yang memperuntukkan bahawa Pemilik Produk hendaklah melekatkan pada bateri sekunder, bungkusan, beg atau bekas, label atau tanda yang mengandungi perkara berikut:
- (i) nama atau deskripsi bateri sekunder dengan jelas;
  - (ii) berat minimum, kuantiti, jumlah atau kapasiti minimum bateri sekunder;
  - (iii) unit, berat atau ukuran hendaklah dalam metrik; dan bagi bateri sekunder yang diimport, sama ada dalam metrik atau dalam kedua-dua unit metrik dan imperial;
  - (iv) nama dan alamat pengilang, pengimport, pengeluar atau pemborong, mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (v) nama negara pengilang bagi bateri sekunder yang diimport;
  - (vi) label atau tanda hendaklah boleh dibaca dan menggunakan perkataan yang jelas;

(vii) label atau tanda bagi bateri sekunder yang dikilang atau dikeluarkan di Malaysia hendaklah dalam Bahasa Malaysia sahaja, atau dalam Bahasa Malaysia dan mana-mana bahasa lain; dan

(viii) label atau tanda bagi bateri sekunder yang diimport hendaklah dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris.

## 9. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini akan terpakai mulai **1 Februari 2018 sehingga 31 Disember 2018** atau mana-mana tarikh yang akan ditentukan oleh KPDNKK.

## 10. MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut tentang Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada -

- (a) Pengarah  
Bahagian Standard Kepenggunaan  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan  
Aras 4, Blok Podium 2, No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya, Malaysia

Tel No. : +603 8882 5886 / 5959 / 5955  
No. Faks : +603 8882 6960  
E-mel : [mystandard@kpdnkk.gov.my](mailto:mystandard@kpdnkk.gov.my)  
Laman web : [www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my)

- (b) Pengarah Urusan  
SIRIM QAS International Sdn.Bhd  
1, Persiaran Dato' Menteri, P.O. Box 7035,  
Seksyen 2, 40700 Shah Alam,  
Selangor, Malaysia.

Toll Free : 1-300-88-7035  
Tel : (603) 5544 6400  
Fax : (603) 5544 6810  
Email : [cserviceqas@sirim.my](mailto:cserviceqas@sirim.my)  
Website : [www.sirim-qas.com.my](http://www.sirim-qas.com.my)

**CONTOH PELEKAT LABEL KESELAMATAN BAGI BATERI SEKUNDER YANG MENDAPAT PENSIJILAN SIRIM QAS INT. SDN. BHD. DAN KPDNKK**

